

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 28 OKTOBER 2013 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Produk Inovasi UTM setaraf antarabangsa	Utusan Malaysia
2	Seda gets wind of it	The Star
3	Inovasi bantu ekonomi	Utusan Malaysia
4	Inovasi terbaik dihargai	Utusan Malaysia
5	Bioekonomi pacu pendapatan negara	Berita Harian
6	Bio-Xcell, BioSingapore jalin kolaborasi bangun bioteknologi di Asia Tenggara	Kosmo
7	Biotech partnership for region	The Malay Mail
8	Sirim, United Tech pact to offer biometrics course	New Straits Times
9	Biak tiram asuhan	Utusan Malaysia
10	Aplikasi satelit meteorologi	Utusan Malaysia
11	Heed lessons from Cameron Highlands tragedy	New Straits Times

# Produk inovasi UTM setaraf antarabangsa

Mewujudkan jalinan komersial antarabangsa sebagai pusat sehati UTM bagi membolehkan industri mengetahui penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik universiti ini

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
kampus@utusan.com.my

**P**ENYELIDIKAN dan pembangunan (R&D) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan terus dipertingkatkan bagi menghasilkan produk baru yang boleh dikomersialkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Timbalan Pengarah Pusat Inovasi dan Komersialisasi (ICC) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Assoc. Prof. Dr. Arham Abdullah** berkata, bagi mencapai matlamat itu, UTM memerlukan modal insan dan tenaga akademik berkualiti bagi memacu dan meneruskan perubahan dalam memastikan produk penyelidikan UTM dapat dikomersialkan secara berkesan.

Sejajar dengan itu, UTM akan memainkan peranannya dalam mengukuhkan hubungan antara ahli akademik dan industri bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan tenaga pengajar dan industri tentang kemampuan UTM dalam bidang R&D.

Beliau berkata, UTM akan berterusan mewujudkan jalinan komersial sebagai pusat sehati bagi membolehkan industri mengetahui penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik universiti ini.

"UTM akan menggerakkan usaha ke arah mencapai budaya penyelidikan inovasi yang berkualiti, relevan dengan industri dan dikenali dunia dalam kerangka pendidikan peringkat tinggi.

"Selain menghasilkan harta intelek dan inovasi yang mampu menggerakkan negara ke arah mencapai rangkaian nilai global, di samping mewujudkan peluang baharu pekerjaan," katanya ketika ditemui pada Pameran Seni Industri dan Teknologi (Inatex) 2013 UTM baru-baru ini.

Majlis penutup Inatex UTM 2013 telah disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**.

Arham menambah, dalam usaha untuk mengomersialkan hasil penyelidikan



**ABU Bakar Mohamad Diah** menyampaikan trofi Best Of The Best kepada **Ahmad Fauzi Ismail** (empat dari kiri) bersama para penyelidik pada Inatex kali ke 15 di UTM, Skudai, Johor, baru-baru ini.



**DR. ARHAM ABDULLAH**



**ANTARA** produk-produk UTM yang mula dikomersialkan dan dipasarkan di pasaran tempatan.

Selain menghasilkan harta intelek dan inovasi yang mampu menggerakkan negara ke arah mencapai rangkaian nilai global, di samping mewujudkan peluang baharu pekerjaan

untuk manfaat masyarakat, UTM meningkatkan kerjasama R&D dengan sektor swasta bagi menjalankan projek-projek yang mendapat geran daripada kerajaan. Malah, kerjasama pihak swasta merupakan salah satu syarat pembiayaan dana dan menyokong empat produk UTM yang berjaya dikomersialkan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, UTM juga menyediakan platform dalam bentuk sesi pepadanan perniagaan (business matching) di antara penyelidik UTM dengan industri tempatan mahupun antarabangsa bagi tujuan pengkomersialan dengan kerjasama agensi-agensi seperti MOSTI iaitu SIRIM, Technology Park Malaysia, MTDC dan Multimedia Development Corporation (MDeC).

"Sebagai langkah untuk memperkasa ekosistem komersial antarabangsa UTM dapat mempercepatkan pengkomersialan hasil penyelidikan yang mempunyai potensi tinggi untuk dipasarkan.

"Kita amat menyedari keperluan diwujudkan pangkalan data mengenai produk inovasi sedia ada.

"Dalam perkara ini, UTM telah menubuhkan pangkalan data harta intelek R&D bagi tujuan pengkomersialan," katanya.

Sertai kami

facebook

Helo Kampus

e-mel: [kampus@utusan.com.my](mailto:kampus@utusan.com.my)

# Seda gets wind of it

Sustainable energy agency mulls over wind as renewable resource

By LEONG HUNG YEE  
hungyee@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Sustainable Energy Development Authority Malaysia (Seda) is considering the inclusion of wind as another renewable resource in the renewable energy (RE) scheme.

CEO Datin Badriyah Abdul Malek said Seda has embarked on a project to produce a national wind map, due next year.

She said part of Seda's mission was to increase the renewable energy sources in the Feed-in-Tariff (FIT) portfolio.

"The wind map study which started at the end of last year will take about 24 months to be completed.

"We are expecting a comprehensive wind map for Malaysia to be ready by end 2014," she told *StarBiz*.

Badriyah said Seda was not the financial sponsor of the study.

"The study is a joint effort by Seda and Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"The Malaysian Electricity Supply Industries Trust Account and the Ministry of Science Technology and Innovation provided a grant totalling about RM3mil for both Seda and UMT," Badriyah said.

Under the Renewable Energy Act 2011, there are only four technologies applicable for FIT which are biomass, biogas, solar photovoltaic and small hydro.

It is now considering to include wind under the FIT.

Therefore, a comprehensive study on the availability of wind energy in Malaysia is urgently required to determine whether wind should be included as another renewable resource in the FIT scheme.

"Currently Malaysia does not have a wind farm as there is no market to drive it.

"For this reason, if there is any technical potential, then Seda together with Energy, Green



Badriyah holding a copy of the Renewable Energy Act. Under the Act, there are only four technologies applicable for FIT, which are biomass, biogas, solar photovoltaic and small hydro. Seda is now considering to include wind under the FIT.

Technology and Water Ministry will include wind under the FIT portfolio to increase the range of RE to expedite towards energy security and autonomy," Badriyah said.

Asked on the potential market for wind farm in Malaysia, Badriyah said it was "subjected to the wind map study which will reveal the technical potential in the country".

She added that there are no wind farms yet locally except for the few demonstration projects in Pulau Perhentian, Terengganu and Pulau Banggi, Sabah.

The statutory body had in the past called for request for proposal (RFP) for the development of a wind map in Malaysia, which could serve as a reference in determining the potential of wind power generation in Malaysia and justify the inclusion of wind energy in the FIT regime, as well as provide a guide to potential siting of wind turbines.

According to the RFP, the successful tenderer for the wind map project will have to produce a GIS (geographic information systems) with a zoom-in feature through the simula-

tion model using the available meteorological data from Meteorological Department and Global model wind and terrain data.

The tenderer also has to among others install a minimum 10 units of wind masts at a minimum height of 50 metres for micro-siting activities at potentially viable sites for wind data recording for at least 12 months full data, and also need to propose a minimum of 10 sites based on the micro-scale study and the final site selection will be determined by Seda.

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 1  
TARIKH : 28 OKTOBER 2013 (ISNIN)



# mega



## Inovasi bantu ekonomi

RAMAI inovator luar bandar kini mampu mengubah nasib dan taraf ekonomi mereka selepas inovasi yang dihasilkan berjaya diketengahkan oleh Yayasan Inovasi Malaysia dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

SAMBUNGAN...  
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 2  
TARIKH : 28 OKTOBER 2013 (ISNIN)

# Kejayaan kreativiti dan inovasi

Pereka cipta gunakan kemahiran dan ketekunan sebagai aset tingkatkan taraf hidup

Oleh MASZUREEN HADZMAN

“**O**RANG punya saksofon besi tetapi, kau punya saksofon buluh, lebih baik buat kayu api. Puas saya dicaci, dihina dan diejek sehingga pada 2005 barulah saya berani naik ke atas pentas bersama-sama rekaan saksofon buluh ini, di situ baru orang mula nampak hasil reka cipta ini.”

Demikian luahan pencipta saksofon buluh atau *somporing*, **Philipus Jani**, 46, yang ditemui di Pusat Inovasi Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Cyberjaya baru-baru ini.

Pembabitan Philipus sebagai pembuat *somporing* bermula secara kebetulan selepas dia berpeluang meminjam sebuah saksofon loyang daripada rakannya. Kisah itu sudah 19 tahun berlalu.

Walaupun bagaimanapun, sebaik sahaja dia mula 'jatuh cinta' dengan alat muzik tersebut, saksofon yang dipinjam terpaksa dipulangkan semula, sekali gus mendorong memiliki saksofon sendiri.

Minatnya yang mendalam terhadap saksofon mendorongnya mula mencipta alat muzik tersebut pada 1993 walaupun tanpa sebarang pendidikan formal mengenai alat muzik.

“Oleh kerana tidak mampu membelinya, memandangkan harganya yang sangat mahal, saya mula mencari jalan untuk menghasilkan saksofon sendiri.”

“Selepas 12 tahun melakukan R&D (penyelidikan dan pembangunan), saya akhirnya berjaya menghasilkan saksofon buluh yang saya panggil *somporing*. Ia boleh mengeluarkan bunyi hampir serupa dengan saksofon dari nada A hingga G major,” katanya.

Produk ciptaannya yang menggunakan buluh kuning ini telah berjaya menarik minat bukan sahaja pengkaji muzik tetapi juga profesor universiti dan peminat muzik tempatan dan antarabangsa.

Walaupun berdepan persepsi negatif daripada masyarakat sekeliling, bekas guru pendidikan khas di salah sebuah sekolah di Kota Kinabalu ini turut menghasilkan 18 alatan muzik berasaskan buluh, antaranya gitar, *bass*, drum, seruling dan sebagainya.

Malah, anak jati Tambunan, Sabah itu kini sibuk menerima tempahan penggemar alat muzik tersebut dari dalam dan luar negara yang jumlahnya kira-kira 10 unit, setakat ini



SATU lagi jenis alat muzik ciptaan Philipus Jani.

Sementara itu, seorang lagi pereka cipta yang mendapat perhatian YIM untuk disenaraikan sebagai inovator berpotensi ialah pemilik Nurkasih Enterprise, Wasilah atau **Resimiah Kuntagil**, 41, mengenai inovasi 'tuhau' yang merupakan sejenis makanan tradisi masyarakat Kadazandusun-Murut di Negeri Sabah.

“Jika dahulu, pendapatan saya hanya RM850 sebulan kerana menggunakan kaedah pengeluaran tradisional mengeluarkan 'tuhau' kini, pendapatan saya boleh meningkat berkali ganda sebulan.”

Jelasnya, pencapaian itu adalah hasil bantuan YIM menerusi program Jejak Inovasi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Katanya, bantuan daripada MOSTI telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan pengeluaran 'tuhau', sejenis sayur yang dijeruk, melalui inisiatif pembangunan pengeluaran dan kaedah pemrosesan inovatif.

Teknologi inovatif ini telah dibiayai di bawah geran pembangunan projek MOSTI dan dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Bioteknologi di kementerian tersebut.



ANTARA alat muzik berasaskan buluh yang direka oleh Philipus Jani.

PHILIPUS Jani tidak pernah berhenti menghasilkan alat muzik berasaskan buluh kerana minatnya yang mendalam terhadap instrumen tersebut.

## SAMBUNGAN... UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 28 OKTOBER 2013 (ISNIN)



**RESIMINAH** Kuntagi menunjukkan produk tuhan yang sedia dipasarkan.



**ROZANA** Musa menunjukkan pelbagai bentuk seramik yang dijadikan sebagai cenderahati.



### MOSTI bantu pengkomersialan

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) MOSTI turut bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Pameran Inovasi yang bertanggungjawab mempromosi dan memastikan usaha pengkomersialan produk inovasi dapat dijalankan secara berterusan.

Timbalan Menteri, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, pusat pameran yang akan dibuka secara percuma kepada penyelidik dan orang ramai pada tahun hadapan adalah selaras dengan sasarannya untuk menjadikan 2014 Tahun Pengkomersialan Produk Inovasi.



**DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**

"Pusat pameran itu yang bertindak sebagai galeri akan mengumpulkan produk-produk inovasi tempatan dalam pelbagai bidang dari seluruh negara.

"Hal itu demikian kerana pihak kami sedar bahawa kebanyakan produk inovasi yang dipamerkan dalam majlis dan ekspso tidak dipromosikan atau dikomersialkan secara berterusan selepas diperkenalkan kepada masyarakat.

"Jadi, kami rasa pusat pameran itu adalah relevan dibangunkan ke arah mencapai status negara pengeluar berteknologi tinggi menjelang 2020," katanya.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha MOSTI, **Datuk Dr. Rosli Mohamed** dan Ketua Pegawai Eksekutif YIM, **Dr. Mazalan Kamis**.

Nurkasih Enterprise yang beroperasi di Kampung Marakau, Ranau, Sabah adalah syarikat pertama yang menggunakan inovasi pengeluaran tuhan besar-besaran untuk dikomersialkan ke pasaran domestik dan antarabangsa.

Keseluruhan teknologi pemprosesan dan pengeluaran yang melibatkan pembersihan dan mengupas, parutan, menggoreng dan pengeringan sehingga kepada memasak, mencampur jeruk dan pembangunan akhir diilhamkan dan dibangunkan sejak September 2011.

"Saya gembira dan berterima kasih kepada MOSTI dan Yayasan Inovasi Malaysia kerana bantuan mereka dalam membangunkan pemprosesan dan kaedah pengeluaran inovatif ini yang telah menyumbang kepada kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi."

"Saya yakin inovasi baru ini akan menyediakan peluang baru bagi usahawan tempatan Sabah terutama ibu tunggal yang berminat untuk memanfaatkan potensi perniagaan yang tuhan tawarkan pada skala yang lebih luas," katanya.

Seorang lagi inovator yang mendapat perhatian YIM ialah **Rozana Musa**, 31, yang merupakan pemenang anugerah khas Inovasi Akar Umbi Jejak Inovasi 2011.

Rozana meminati kerja seni seramik sejak di bangku sekolah dan mendalaminya sehingga berjaya mencipta alat pembakar seramik.

Tambahan pula, bermain dengan lumpur di bendang ibunya sejak kecil lagi turut memberi ilham kepada Rozana menghasilkan seramik menggunakan bahan berkenaan.

"Saya mempunyai pelbagai idea untuk menghasilkan bahan seramik namun kos untuk membeli alat pembakar agak mahal sehingga mencecah RM12,000.

"Oleh itu, bermodalkan RM2,500 saya membuat inovasi alat pembakar sendiri dan kemudian membuka perniagaan produk seramik," katanya.

Selain itu, syarikatnya **Bendang Studio** yang mempunyai kaitan dengan bendang ibunya di Melaka, kini turut mampu memperoleh pendapatan RM5,000 sebulan.

Sementara itu, seorang lagi inovator yang mendapat perhatian YIM untuk disenaraikan sebagai inovator berpotensi ialah **Ahmad Mujib Abd Rashid**, 54, yang berjaya mencipta kipas (*propeller*) buatan Malaysia.

Jelasnya, sukan paramotor memerlukan kos yang tinggi. Malah untuk membeli kipas saja memerlukan RM500 hingga RM700 memandangkan setiap kali terjatuh, kipas yang diperbuat daripada kayu turut patah dan rosak.

Apatah lagi kipas ketika itu hanya boleh diganti dengan menempah dan membeli dari luar negara seperti Itali dan Perancis kerana belum lagi dijual di negara ini.

Justeru, melalui inisiatif dan kreativiti bekas jurulatih paramotor ini, peminat sukan udara ini tidak perlu risau lagi berikutan bilah kipas yang dulunya diimport boleh didapati di sini.

Ahmad Mujib menjelaskan, hasrat untuk mencipta kipas buatan Malaysia tercetus kerana bahan yang digunakan untuk membuat kipas adalah kayu yang sememangnya banyak di Malaysia.

"Saya mula menjalankan penyelidikan terhadap proses pembuatan kipas mengikut kaedah yang betul. Tanpa sebarang kelas, saya menggunakan pengalaman yang ada mencipta beberapa jenis kipas menggunakan cara tukang konvensional iaitu menggunakan gergaji,

### Info

- Forum Inovasi Sedunia Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013)
- Diadakan selama tiga hari bermula 12 sehingga 14 November 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan menampilkan empat penceramah antarabangsa.
- Dianjurkan oleh MOSTI dan YIM bagi membincangkan pendekatan terbaharu yang boleh diketengahkan bagi memperkasakan industri inovasi negara ini.

parang, tukul dan sebagainya.

"Tetapi melalui kaedah konvensional itu, kipas tidak dapat dihasilkan mengikut ukuran dan berat yang betul. Seterusnya saya mula mencari idea untuk mencipta mesin pemotong khas kipas selain mencipta alat mengukur dan menimbang keseimbangan kipas," katanya.

Tambah beliau, melalui usaha bersungguh-sungguh dan berlandaskan niat untuk memudahkan peminat sukan paramotor memperoleh kipas, akhirnya Ahmad Mujib berjaya mencipta kipas buatan Malaysia.



**AHMAD MUJIB ABD RASHID** menunjukkan kipas buaatannya yang menggunakan bahan daripada kayu.

Selepas 12 tahun melakukan R&D (penyelidikan dan pembangunan), saya akhirnya berjaya menghasilkan saksofon buluh yang saya panggil *somporing*. Ia boleh mengeluarkan bunyi hampir serupa dengan saksofon dari nada A hingga G

KERATAN AKHBAR  
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 4  
 TARIKH : 28 OKTOBER 2013 (ISNIN)



# Inovasi terbaik dihargai

Kejayaan program menghargai reka cipta bersama MOSTI dan YIM diteruskan

Oleh MASZUREEN HADZMAN

**S**ebanyak enam inovasi yang ditemui sepanjang program Jejak Inovasi Zon Tengah iaitu bagi kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, telah diberi pengiktirafan sebagai penemuan terbaik dalam satu majlis yang diadakan baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Datuk Muhammad Aziph Mustapha berkata, enam produk inovasi telah terpilih melalui pengadil panel pakar dari 21 inovasi yang telah dijejaki menerusi program tersebut.

"Enam inovasi terbaik ini merupakan gabungan inovator iMalaysia, pelbagai bangsa yang bernilai dan berpotensi untuk dikomersialkan," katanya.

Beliau menyatakan demikian bagi mengulas kejayaan enam inovasi berkecenderungan yang mendapat pengiktirafan yaysan tersebut pada majlis penghargaan yang diadakan di Cyberjaya baru-baru ini.

Program Jejak Inovasi Zon Tengah dan sebuah lagi program yang dianjurkan (YIM) dengan kerjasama Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI) iaitu *Projek Linkages* telah menunjukkan kejayaan dan mendapat sambutan



MUHAMMAD AZIPH MUSTAPHA

menggalakkan.

Program yang bertujuan untuk mengenalpasti inovasi akar umbi diadakan pada 26 sehingga 27 September lalu.

Menerusi Jejak Inovasi Zon Tengah ini, sebanyak 21 inovasi akar umbi berjaya dijejaki.

Pemenang program ini telah menerima hadiah yang merupakan komputer riba Idola iMalaysia di samping insentif bantuan perundingan tambah-nilai dan khidmat nasihat

daripada YIM.

Pada masa yang sama, Projek Linkage turut dianjurkan yang mana sebuah pertandingan kreativiti dan inovasi sosial yang bakal meneruskan kesinambungan petua zaman silam yang diturunkan oleh golongan warga emas kepada generasi muda.

Projek ini memberi peluang kepada golongan belia untuk berhubung dengan golongan warga emas di samping meneroka peluang komersial dan sosio-ekonomi daripada ilmu *indigenous* yang diperturunkan.

Menerusi program ini, peserta ditawarkan hadiah-hadiah bernilai lebih RM14,000 dan para-peserta perlu menyampaikan 'cerita dan petua' menerusi kategori penyampaian dan

fotografi terbaik.

Jejak Inovasi juga turut mengiktiraf inisiatif Biji-Biji *Design Initiative* sebagai pemenang Anugerah Merit Khas kerana inisiatif mereka dalam Projek Kemasyarakatan dan 'Green Initiatives'.

Tambahan pula, Biji-Biji *Design Initiative* menggunakan inovasi 'upcycling' dalam inovasi menggunakan kain rentang terpakai sebagai bahan asas bagi menghasilkan beg pelbagai-fungsi.

Hadiah-hadiah pemenang telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datin Nur Wahidah Wong Abdullah, yang mana program kemuncak bagi pelancaran kedua-dua projek ini yang berlangsung Taman Wetland Putrajaya pada 31 Ogos lalu.

Turut Hadir sama Setiausaha MACRI, Ramesh Pillai serta dan Pengurus Kanan YIM, Sharmila Mohamed Salleh.

Sementara itu, YIM turut mengadakan program Teh Tarik Talk siri yang ke-5 yang menampilkan seorang jutawan hasil perniagaan buah-buahan, Adnan Lee untuk menceritakan pengalaman beliau sebagai peniaga buah kecil-kecilan sehingga berjaya membuka rantaian kedai yang terkemuka.

Adnan Lee merupakan pengasas rantaian kedai MBG Fruits yang kini terdapat di serata kompleks beli-belah di Lembah Klang.

## Enam inovasi terbaik dan pereka cipta

- Politerin dan akhbar kitar semula - Akhbar diwujudkan bahan asas untuk membuat ranting, pokok dan pasu manakala polisterin sebagai gam - Hor BoonV Hhor.
- *Navi sense* - Alat bantuan pergerakan dengan orang kelainan upaya (OKU) - Azwan Abdullah, Muhammad Fahmi Mazlan, Muhammad Syafiq Ramli, Mohd. Sallehuddin Mt. Nayan dan Abdul Fattah Ahmad.
- Papan permainan untuk MERCI Malaysia - Permainan bentuk papan atau kertas bertujuan memberi kesedaran kepada awam bagaimana menghadapi bencana alam - Effendy Norzaman.
- Soket kuasa - Ciptaan soket bagi mengurangkan kuasa dan kos efektif - Raymond Wong.
- Digital Mutawwif dan Nobidden - Aplikasi memudahkan penyelaras mengetahui lokasi jemaah semasa berada di Mekah. - Nur Faezah Elyas.
- *Nobiddenn* - Ubatan herba tradisional bentuk kapsul - Othman Ibrahim.

# Bioekonomi pacu pendapatan negara

**Kuala Lumpur:** Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi akan menjadi antara agenda utama memajukan kedudukan sosioekonomi negara ke peringkat lebih tinggi.

Pengerusi Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp), Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid, berkata program itu akan dilaksanakan pihaknya seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam pembentangan Bajet 2014.

## Penentu kejayaan

"Bioekonomi akan menjadi faktor penentu bagi Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi. BiotechCorp akan bekerjasama dengan kementerian, kerajaan negeri, koridor ekonomi serta agensi yang berkaitan, untuk melaksanakan Program Accelerator Bioekonomi Malaysia atau "Bio-Accelerators".

"BiotechCorp sentiasa komited dalam memastikan kehendak industri adalah selari dengan keperluan rakyat melalui inisiatif yang inklusif dan mapan ini," katanya dalam ke-



Zakri Abdul Hamid

nyataan di sini semalam.

Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi adalah teras utama Bio-Accelerators yang akan disokong tiga program pemecutan iaitu program pembangunan teknologi dan inovasi bioekonomi, biokeusahawanan dan memperkasakan syarikat berstatus BioNexus bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Sektor bioekonomi dijangka memacu Pendapatan Negara Kasar (GNI) dari kadar semasa dua



Mohd Nazlee Kamal

hingga tiga peratus kepada lapan hingga 10 peratus menjelang 2020, selain menjana RM43 bilion GNI bersama 160,000 peluang kerja dan menarik RM15 bilion nilai pelaburan.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, dalam kenyataan sama turut mengalu-alukan sokongan kerajaan terhadap inisiatif baru itu.

"Ini menunjukkan kerajaan melakukan pelaburan penting untuk bertindak dalam perkara

utama iaitu memperkasakan manfaat sosial dan memacu pembangunan ekonomi negara melalui bioekonomi," katanya.

## Produk nilai tinggi

Menjelaskan mengenai program pembangunan komuniti bioekonomi itu, Mohd Nazlee berkata, bahan yang dihasilkan akan diproses melalui teknologi dan inovasi baru oleh syarikat berstatus BioNexus kepada produk nilai tinggi.

Kerajaan, antara lain memberi insentif pengecualian cukai bagi kos peralatan import bagi syarikat asing melabur dalam projek perintis komersial di negara ini; insentif khas syarikat swasta bagi menampung kos operasi pembangunan sumber manusia bagi pusat kecemerlangan untuk penyelidikan dan pematangan penuh cukai bagi syarikat melabur atau memperoleh platform teknologi dalam industri berasaskan bioteknologi.

## FAKTA NOMBOR

**160,000**  
kerja

diwujudkan menerusi sektor bioekonomi



**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 51  
TARIKH: 28 OKTOBER 2013 (ISNIN)**

## Bio-Xcell, BioSingapore jalin kolaborasi bangun bioteknologi di Asia Tenggara

**JOHOR BAHRU** - Bio-Xcell Sdn. Bhd. (Bio-Xcell) dari Malaysia dan BioSingapore menjalin kerjasama untuk menerajui pembangunan industri bioteknologi di rantau Asia Tenggara.

Ketua Pegawai Eksekutif Bio-Xcell, Rizatuddin Ramli berkata, kolaborasi itu akan

menggalakkan kerjasama merentas sempadan yang kukuh antara komuniti sains hayat dan bioperubatan di Iskandar Malaysia dan Singapura.

"Bio-XCell merupakan perintis dalam memangkinkan ekosistem bersepadu. Kerjasama yang dijalin dengan

BioSingapore akan memanfaatkan kepakaran masing-masing untuk membangunkan produk bioteknologi inovatif untuk memenuhi permintaan pelanggan di rantau Asia sebelum bergerak ke pasaran global," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Rizatuddin berkata, Bio-Xcell merupakan taman bioteknologi pertama Malaysia yang dimiliki oleh Malaysian Biotechnology Corporation dengan pegangan saham sebanyak 60 peratus manakala bakinya dimiliki oleh UEM Sunrise Holdings, pemaju utama Nusajaya.

## Biotech partnership for region

TO spearhead the development of biotechnology industry in the Southeast Asian region, Bio-Xcell Sdn Bhd and BioSingapore have formed a joint collaboration.

Bio-Xcell chief executive officer Rizatuddin Ramli said the collaboration will promote strong cross-border alliances between the life sciences and biomanufacturing communities in Iskandar Malaysia and Singapore.

"Bio-XCell is pioneering in catalysing an integrated ecosystem and this connection with BioSingapore would leverage on each other's expertise to develop innovative biotechnology products by Asians for Asians, before setting to the global markets"

Malaysia and Singapore have put great emphasis on developing the biomedical sciences industry as the next economic growth engine, he said in a statement.

Bio-Xcell is Malaysia's premier biotechnology park and ecosystem 60:40%-owned by **Malaysian Biotechnology Corporation (Biotechcorp)** and UEM Sunrise Holdings, the master developer of Nusajaya.

Singapore's strengths in research, technical services and intellectual property management, coupled with Malaysia's focus on biomanufacturing and logistics could be a potent combination for biomedical companies, he said.

He said the collaboration between Bio-Xcell and BioSingapore is an excellent opportunity to replicate the successful model of Medicon Valley in Denmark



UPBEAT: Bio-Xcell chief executive officer Rizatuddin Ramli

and Sweden in Iskandar and the island republic.

"We aim to foster a holistic ecosystem for the creation of prodigious businesses from good sciences," he said, adding the collaboration will promote each other's activities, location and merits to their respective members, contacts and databases besides holding joint networking functions and training.

Meanwhile BioSingapore chairman Simranjit Singh said Bio-XCell and the world-class infrastructure found in Singapore such as Biopolis and the Tuas Biomedical Park can serve as a nexus for biomedical sciences companies to grow and thrive in the region.

— Bernama

## Sirim, United Tech pact to offer biometrics course

**SIRIM** Bhd has partnered with United Technology (M) Sdn Bhd to offer the first ever biometrics professional course and certification in the region to local biometrics professionals, practitioners and engineers, including law enforcement agencies and forensic science and research.

The IEEE Certified Biometric Professional (IEEE CBP) course and certification involves six modules covering all aspects — from the fundamentals of biometrics, choosing the right equipment to conducting biometric research.

